

MB Selangor dahului senarai penerima pingat

Shah Alam: Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari mendahului senarai 19 penerima darjah dan bintang kebesaran sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah ke-74, hari ini.

Amirudin menerima Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Sultan Selangor turut berkenan menganugerahkan Darjah Kebesaran Datuk Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S) yang membawa gelaran Datuk Setia kepada Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Aini Ideris.

Sementara itu, sembilan individu menerima darjah kelas kedua iaitu Darjah Ke-



AMIRUDIN

besaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S) yang membawa gelaran Da-

tuk. Individu berkenaan ialah Ketua Hakim Syarie Selangor, Mohammad Adib Husain; Duta Besar Malaysia ke Sweden, Nur Ashikin Mohd Taib; Timbalan Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman Ayob; Asisten Ketua Staf Markas Tentera Darat, Mejar Jeneral Datuk Badrul Hisham Muhammad; Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Datuk Hashim Osman; Pengarah urusan YTL Power International Berhad, Datuk Yeoh Seok Hong; Timbalan Setiusaha (Pengurusan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor,

Zamani Ahmad Mansor.

Turut menerima darjah sama ialah Timbalan Naib Canselor UPM, Prof Dr Zulkifli Idrus dan Bursar UPM, Zulkiflee Othman.

Sultan Sharafuddin berkenan menganugerahkan Darjah Kebesaran Datuk-Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S) yang membawa gelaran Datuk kepada lapan individu terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Individu terbabit ialah dua kerabat Diraja Selangor iaitu Syed Haizam Hishammuddin Putra Jamalullail Syed Anwar Jamalullail dan Raja Muzaffar Raja Redzwa.